

JANUARI  
2022

Aspirasi  
Kejirgantahan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## TYT DUTA JERMAN KE MALAYSIA MELAKUKAN KUNJUNGAN HORMAT KE PKNP



Dr. Peter Blomeyer turut berkongsi pengalaman beliau selama bertugas di Malaysia

Yang Terutama Duta Jerman ke Malaysia, Dr. Peter Blomeyer baru-baru ini.

Kunjungan kali pertama ini bertujuan untuk memahami peranan dan fungsi PKNP dalam menggalakkan pelaburan di Negeri Pahang.

Malah Dr. Blomeyer turut berkongsi peluang dan platform untuk digunakan PKNP bagi mempromosikan Negeri Pahang di Jerman.

Beliau hadir dalam siri lawatan di Negeri Pahang selama 8 hari bermula 20 Januari sehingga 28 Januari 2022.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Rahmat bin Hussin.

Kuantan, 21 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan

## TAHNIAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Kuantan, 19 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dalam satu majlis baru-baru ini di Swiss-Bel Hotel, Kuantan.

Anugerah telah disampaikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Bagi pihak PKNP, anugerah perkhidmatan cemerlang ini merupakan satu pengiktirafan dari Kerajaan Negeri Pahang di atas kepimpinan Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar di PKNP.

Semoga anugerah ini dapat menjadi pemangkin untuk Yang Hormat Dato' terus kuat bekerja demi kecemerlangan PKNP.

Dari anggota pekerja PKNP, jutaan tahniah diucapkan.



Yang Hormat Dato' Mohd Faizal menerima anugerah APC daripada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail

## KUNJUNGAN HORMAT OLEH PENGARAH MPC WILAYAH TIMUR KE PKNP



Kunjungan kedua oleh Encik Mohd Azwan ke atas Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kuantan, 17 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat dari Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Timur, Encik Mohd Azwan bin Mohd Salleh di Bilik Mawar, Kompleks Teruntum.

Satu sesi yang produktif berkaitan inisiatif penambahbaikan ekosistem pelaburan Negeri Pahang telah berlangsung.

PKNP bertindak sebagai urusetia dan pemantau bagi kemajuan pilot projek Smart Glove di Gebeng, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Turut hadir, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.

## PKNP HULUR WANG IHSAN KEPADA ANGGOTA PEKERJA TERJEJAS BANJIR

Kuantan, 27 Januari - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menyerahkan sumbangan wang ihsan kepada 27 orang anggota pekerja PKNP dalam satu majlis ringkas pada pagi ini.

Sumbangan wang ihsan ini menandakan keprihatinan Pengurusan Tertinggi PKNP terhadap 27 anggota pekerja yang dilanda musibah banjir di Negeri Pahang.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim.



Yang Hormat Dato' Mohd Faizal meluangkan masa untuk menyerahkan wang ihsan kepada anggota pekerja PKNP yang terkesan daripada musibah banjir

## PROGRAM JALINAN KASIH BERSAMA USAHAWAN DI TAPAK GERBANG PANTAI



Salah seorang usahawan yang menerima kesan dari bencana banjir pada Disember 2021

Kuantan, 20 Januari - Program Jalinan Kasih Bersama Usahawan PKNP yang dianjurkan oleh Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan yang melibatkan 30 usahawan bumiputera di tapak niaga Gerbang Santai, Kompleks Dagangan Mahkota.

Program ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Encik Nasry bin Kassim.

Program ini bertujuan untuk menyantuni usahawan-usahawan bumiputera yang telah beroperasi sejak tahun 2019 di tapak milik anak syarikat PKNP iaitu BCIC Holdings Sdn Bhd.

Tapak ini telah diusahakan oleh PKNP pada tahun 2019 dan telah di uruselia oleh seorang penganjur pada tahun 2020 sehingga sekarang. Usahawan ditapak ini juga turut terkesan dengan wabak pandemik Covid-19 dan sebanyak 30 beg barangan harian diedarkan bagi meringankan beban mereka yang terlibat.

## PKNP SERTAI SUKARELAWAN BANJIR KERAJAAN PAHANG DI SEGAMAT, JOHOR

Kuantan, 14 Januari - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menyahut seruan YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail untuk turun ke daerah Segamat, Johor bagi misi pasca banjir kerajaan Negeri Pahang pada 13 dan 14 Januari 2022.

PKNP menghantar hampir 20 orang sukarelawan yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP bersama - sama 180 sukarelawan yang lain ke Kampung Alai di Mukim Gemereh, Johor dan Kampung Chodan di Mukim Pogoh, Johor.

Selain dari membersihkan rumah, misi ini turut menyalurkan sumbangan berbentuk barangan keperluan makanan dan harian mangsa-mangsa yang terlibat.

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab, PKNP sentiasa prihatin dan peka dalam membantu masyarakat yang terkesan dalam bencana alam.



Para sukarelawan mengabadikan memori setelah bertungkus lumus membersihkan rumah salah seorang mangsa banjir di sini.

## TAHNAH REALISTIC ATTRACTION SDN BHD MENANG ANUGERAH ANTARABANGSA

Kuantan, 10 Januari - Tahniah diucapkan kepada Realistic Attraction Sdn Bhd, salah satu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) di atas kejayaan memenangi anugerah Organisation for Business Development of Craft Sector at the 5th International Craft Awards 2021 baru - baru ini.

Anugerah ini dianjurkan oleh Craft Village India dan ahli jawatankuasa International Craft Awards (ICA).

Anugerah ini diwujudkan untuk mengiktiraf individu dan organisasi di seluruh dunia yang terlibat dalam seni kraf.

Syabas Realistic Attraction Sdn Bhd!



## PKNP SERTAI BENGKEL PERKASA WANITA PAHANG 2022



Barisan wanita - wanita hebat yang mewakili PKNP

Kuantan, 27 Januari - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin mengetuai delegasi PKNP ke Bengkel Perkasa Wanita Pahang 2022 di Swiss - Garden Beach Resort, Kuantan bermula 27 - 28 Januari 2022.

PKNP diwakili oleh Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Puan Azilah binti Abdul Aziz, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani, Puan Hamidah binti Abdul Ghani, Puan Nurul Diana binti Anayan dan Puan Saniyah binti Mohamed.

Kluster pekerjaan yang diketuai oleh Datin Hajah Noraskin bin Jamaludin dan dianggotai pegawai-pegawai di PKNP dan anak syarikat dari latar belakang dan kepakaran yang berlainan telah memfokuskan kepada agenda meningkatkan peratusan guna tenaga wanita dalam sektor awam dan swasta di Negeri Pahang.

Bengkel ini diadakan untuk menyahut hasrat kerajaan Negeri Pahang bagi membentuk Dasar Wanita Pahang dan mewujudkan pelan tindakan bagi memastikan dasar ini dapat dicapai.

Dasar ini juga akan menjadi garis panduan kepada kerajaan Negeri Pahang dalam merancang dan mengurusperdanakan penglibatan wanita dalam pembangunan Wanita Pahang.

# KAYUHAN UKHWAH PKNP BERSAMA PMINT KUKUHKAN JALINAN KERJASAMA

Kuantan, 29 Januari - Kayuhan ukhwah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bersama Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah diadakan dengan jayanya pada hari ini melibatkan laluan sepanjang 24km di sekitar bandar Kuantan.



Tanda kenangan - YH. Dato' Mohd Faizal menerima cenderahati daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMINT



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Pengurusan PKNP bergambar bersama delegasi PMINT

Program kayuhan ini disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar yang turut serta mengayuh bersama - sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Yang berbahagia Mejar (K) Wan Adnan bin Wan Derahman.

Malah, program ini turut disertai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan), Yang Hormat Dato' Dr. Mohd Zakaria bin Ibrahim.

Program yang disertai hampir 70 orang peserta yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP, anak syarikat PKNP dan PMINT ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara agensi kerajaan dan membuka ruang untuk kerjasama yang lebih utuh di masa hadapan.

Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP, Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) PKNP dan urusetia PMINT.

# MAJLIS HI-TEA PUSPANITA MERAIKAN MANTAN TIMBALAN Pengerusi PUSPANITA PKNP



Majlis jamuan secara sederhana dan mematuhi prosedur standard operasi

Kuantan, 28 Januari - Satu majlis Hi-Tea bagi meraikan Mantan Timbalan Pengerusi PUSPANITA PKNP, Puan Hajah Fadzilah binti Ali berikutan tamatnya contract of service Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun berkuatkuasa 31 Disember 2021.

PUSPANITA PKNP ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Hajah Fadzilah di atas sumbangan dan perkongsian ilmu serta pengalaman selama tiga tahun sebagai Timbalan Pengerusi PUSPANITA PKNP.

Turut hadir, Pengerusi PUSPANITA, Yang Berbahagia Datin Zuhaira binti Zainoddin, Naib Pengerusi PUSPANITA, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Setiausaha PUSPANITA, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz, Pengurus -Pengurus Bahagian/Unit serta Ketua -Ketua Biro.



## *Fidang Redaksi*

PENAUNG / PENASIHAT  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO  
Encik Saiful Azli bin Yahya  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No: 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)